

20 NOV 1998

Tajol-pekerja

TENAGA ASING: RAKYAT INDONESIA, THAI DAN FILIPINA DIBERI KEUTAMAAN

JELI, 20 Nov (Bernama) -- Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada rakyat negara jiran dari Indonesia, Thailand dan Filipina bagi mengisi kekosongan tenaga kerja asing di negara ini sebagai usaha membantu mereka berikutan masalah ekonomi di negara masing-masing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata jaminan itu diulangi semasa beliau berkunjung ke Jakarta selama empat hari yang berakhir Rabu lepas, apabila rakyat Indonesia merayu supaya kerajaan Malaysia memberikan keutamaan kepada mereka untuk bekerja di negara ini.

"Kita memang beri keutamaan, cuma yang kita minta ialah sementara mereka bekerja di sini, mereka jangan campuri urusan politik dan isu dalaman negara kita, dan kalau boleh kerajaan mereka juga tidak berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian sambutan Hari Rela ke-37 peringkat negeri oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, di sini, hari ini.

Tajol berkata Malaysia sanggup membantu Indonesia dalam zaman kegawatan ekonomi di negara itu yang menyebabkan seramai 15 juta penduduknya menganggur.

Katanya dalam membantu negara jiran, Malaysia hanya mengharapkan negara-negara berkenaan menghormati pendirian dan keputusan negara ini dengan tidak mencampuri isu politik dan hal dalaman Malaysia.

Tajol Rosli berkata Malaysia, sejak dahulu lagi, tidak pernah mencampuri urusan negara jirannya walaupun menghadapi masalah apabila beribu-ribu rakyat Indonesia, Thailand dan Filipina lari ke negara ini tanpa pengetahuan kerajaan Malaysia.

"Kita tidak pernah memberi suaka politik kepada golongan itu malahan dari semasa ke semasa kita beri kerjasama dengan menahan rakat mereka bagi dibawa pulang ke negara masing-masing.

"Setakat ini, kita tidak minta kepada kerajaan negara itu untuk menahan rakyat kita dan menghantarnya balik. Oleh itu kita harap perasaan hormat-menghormati ini wujud antara negara-negara Asean," katanya.

Tajol Rosli juga menyelar tindakan golongan penunjuk perasaan reformasi dan anti kerajaan baru-baru ini yang meminta Amerika Syarikat campur tangan dan bertindak menangkap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan masalah politik negara sekarang.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita tidak sepatutnya meminta campur tangan kuasa asing sebaliknya rakyat boleh menggunakan kuasa masing-masing melalui amalan demokrasi iaitu memilih kerajaan menerusi pilihan raya," katanya.

Beliau tidak yakin kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menyokong puak reformasi di negara ini akan mencetuskan kekacauan dan tunjuk perasaan yang lebih meluas.

Tajol Rosli juga menafikan kerajaan pernah menahan mana-mana individu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana isu politik sebaliknya penangkapan beberapa orang sebelum ini adalah atas kuasa polis yang bertindak di bawah peruntukan Akta ISA.

Pada majlis itu, Mustapa yang juga anggota Parlimen Jeli menyerahkan senampang kepada 20 anggota Rela negeri itu.

-- BERNAMA

RAR NAK